11 perjanjian ditandatangani

UM 3 - OCT 2003

LANGKAWI 2 Okt.— Sebanyak sebelas perjanjian ditandatangani pada hari ketiga Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) hari ini melibatkan kerajaan, sektor awam dan swasta serta syarikat-syarikat asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyaksikan lapan daripada perjanjian itu di Awana Porto Malai Langkawi yang menjadi lokasi bagi segmen maritim LIMA '03.

Sementara tiga perjanjian lagi yang melibatkan Kementerian Pertahanan dan tiga syarikat tempatan disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Di antara perjanjian yang ditandatangani adalah di antara PSC Defence Technologies Sdn. Bhd., anak syarikat Business Focus Group dengan BOFORS Defence AB.

Melalui perjanjian itu PSC Defence dilantik sebagai subkontraktor untuk pembekalan alat ganti bagi syarikat Sweden itu.

Selain itu, tiga lagi memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani di antara PSC Marine Technology Academy Sdn. Bhd., Drastech Corp. Sdn. Bhd., Malaysian Heavy Industry Group Sdn. Bhd. dan South Korea Daewoo Heavy Industries & Machinery.

Memorandum yang ditandatangani itu adalah bertujuan mengoptimumkan penggunaan sumber untuk program latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Ia juga merangkumi kerjasama dalam pengeluaran enjin diesel Malaysia yang pertama untuk kegunaan maritim dan sektor industri.

MoU terakhir yang ditandatangani adalah melibatkan System Consultancy Services Sdn. Bhd. dan EADS Deutschland, bertujuan membangunkan pertahanan udara dan sistem kawalan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga menandatangani dokumen penerimaan dengan Destination Marine Services bagi penghantaran lima unit bot pemadam api sepanjang 11 meter.

Di samping itu, Destination Marine juga menandatangani dokumen penerimaan dengan Kastam Diraja Malaysia melibatkan penghantaran dua unit bot ronda laju sepanjang 15.25 meter.